



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA  
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590, Putrajaya

Tel : 03-8000 8000  
Faks : 03-8889 5542  
Email: anhisham@moh.gov.my

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : KKM.600-29/4/146 Jld 64 (41)  
Tarikh : 17 Januari 2022

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

*YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,*

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 3/2022  
MENGENAI PROTOKOL TEMPOH BAHARU PENGASINGAN KES  
COVID-19 SERTA KUARANTIN KONTAK KEPADA KES COVID-19 DAN  
PENGEMBARA PASCA JANGKITAN COVID-19 YANG BARU TIBA DI  
MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

**1. TUJUAN**

- 1.1 Memaklumkan mengenai perkembangan terkini penyakit COVID-19; dan
- 1.2 Protokol terkini berhubung dengan pengasingan kes COVID-19 serta kuarantin kontak kepada kes COVID-19 dan pengembara pasca jangkitan (*post-infection*) COVID-19 yang baru tiba di Malaysia.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum mengenai perkembangan terkini penyakit COVID-19 di mana semua rantau WHO menunjukkan peningkatan kes COVID-19 per 1 juta penduduk dunia sejak pertengahan Disember 2021. Ia disumbangkan oleh peningkatan kes jangkitan varian Omicron di kebanyakan negara. Walau bagaimanapun tren kematian per 1 juta penduduk menunjukkan penurunan.

- 2.2** Banyak kajian menunjukkan bahawa infektiviti COVID-19 bermula dari 2.8 hari sebelum *onset* gejala sehingga 5 hari selepas *onset* gejala. Sebanyak 80% hingga 90% kes COVID-19 adalah asimptomatik atau gejala ringan dan tidak memerlukan rawatan di hospital.
- 2.3** Kajian juga menunjukkan selepas 25 minggu dari tarikh menerima dos kedua vaksin COVID-19, risiko mendapat jangkitan COVID-19 dengan gejala meningkat dengan *confident interval* (CI) antara 0.95 hingga 1.00. Kajian di Jepun pula mendapati individu lengkap vaksin dan dijangkiti COVID-19 dengan kategori 1, virus SARS-CoV-2 tidak dapat diisolasi selepas 6 hari dari tarikh sampel positif. Manakala kes bergejala pula tiada virus dapat diisolasi selepas 10 hari dari tarikh sampel positif.
- 2.4** Ujian pengesanan jangkitan COVID-19 menggunakan RT-PCR telah menjadi ujian *gold standard* untuk diagnosa COVID-19 sejak Februari 2020. Ujian RT-PCR adalah tepat dan boleh dipercayai namun masih boleh positif sehingga 90 hari pasca COVID-19 walaupun selepas seseorang pulih. Ini kerana ujian RT-PCR boleh mengesan serpihan virus SARS-CoV-2 walaupun individu tersebut tidak lagi menularkan virus.

### **3. PENAMBAHBAIKAN LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN DAN KAWALAN**

#### **3.1 Protokol Pengasingan Kes Positif COVID-19**

Tindakan pengasingan ke atas kes COVID-19 bagi **SEMUA** jenis varian adalah seperti berikut:

- i. selama **tujuh (7) hari** ke atas kes yang **lengkap vaksinasi DAN tidak bergejala**;
- ii. selama **10 hari** ke atas kes yang **tidak lengkap ATAU tiada vaksinasi ATAU bergejala**.

Penilaian kesihatan akan dibuat sebelum pelepasan diberikan.

\*Sila rujuk garis panduan COVID-19 KKM bagi Pengurusan kes positif COVID-19 (ANNEX 2: *Management of Suspected, Probable and Confirmed COVID-19 Case* ).

### **3.2 Protokol Tempoh Masa Kuarantin**

Mengambil kira faktor infektiviti dan gejala, tempoh masa kuarantin ke atas kontak rapat kepada kes positif COVID-19 termasuk jangkitan varian Omicron adalah seperti berikut:

- i. selama **lima (5) hari** ke atas individu yang **telah mendapat dos penggalak**;
- ii. selama **tujuh (7) hari** ke atas individu **telah lengkap vaksinasi dan yang belum lengkap atau tiada vaksinasi**;
- iii. sekiranya bergejala, lakukan ujian pengesanan jangkitan COVID-19 menggunakan RTK-Ag, sama ada sendiri atau ke fasiliti kesihatan berhampiran bagi mendapatkan rawatan lanjut;
- iv. keputusan ujian sendiri hendaklah dimasukkan ke dalam Mysejahtera;
- v. menjalani ujian RTK-Ag sama ada di fasiliti kerajaan atau swasta pada hari ke-5 (untuk kuarantin 5 hari) dan hari ke-7 (untuk kuarantin 7 hari); dan
- vi. diberi pelepasan kuarantin pada hari yang sama ujian pengesanan RTK-Ag dijalankan sekiranya keputusan adalah negatif dan tidak bergejala.

### **3.3 Protokol Kemasukan Ke Malaysia Pengembara Pasca Jangkitan COVID-19**

Berdasarkan data, sains dan pengalaman negara-negara lain berkaitan pengurusan kemasukan pengembara yang pernah dijangkiti COVID-19, Kerajaan mengambil pendekatan berikut:

- i. Pengembara hendaklah telah menerima vaksin lengkap dengan bukti penerimaannya;
- ii. Bukti pernah dijangkiti COVID-19 melalui ujian pengesanan COVID-19 sama ada RT-PCR atau RTK-Ag (*Profesional*), dan keputusan ujian makmal tersebut perlu dicetak atau dikemukakan secara digital;
- iii. Tindakan ke atas pengembara dengan jangkitan COVID-19 berdasarkan tempoh selepas jangkitan adalah:
  - a. **10 hari atau kurang** dari tarikh positif COVID-19: tidak dibenarkan masuk ke Malaysia
  - b. **tempoh antara 11 hari hingga 60 hari** dari tarikh positif COVID-19: dibenarkan masuk ke Malaysia mengikut prosedur baru pasca jangkitan COVID-19
  - c. **melebihi 60 hari** dari tarikh positif COVID-19: dibenarkan masuk ke Malaysia mengikut prosedur pengembara sedia ada
- iv. Pengembara yang mempunyai sejarah kemasukan ke hospital kerana dijangkiti COVID-19, perlu mengemukakan surat "*Fit to travel*" daripada pengamal perubatan di hospital terbabit; dan
- v. Bagi pengembara yang menjalani isolasi atau pengasingan di tempat kediaman termasuk hotel kerana dijangkiti COVID-19 dan tidak dimasukkan ke hospital, mereka perlu menjalani ujian saringan RTK antigen (Ag) profesional dalam tempoh dua (2) hari sebelum berlepas ke Malaysia. Jika negara tersebut hanya melakukan ujian pengesanan COVID-19 menggunakan ujian RT-PCR, maka keputusan ujian tersebut boleh diterima pakai. Namun, hanya individu dengan keputusan negatif COVID-19 sahaja dibenarkan meneruskan perjalanan.

Kesemua dokumen berkaitan bagi perkara (i), (ii) dan (iv) atau (v) di atas hendaklah dibawa dan ditunjukkan kepada pihak berkuasa penerbangan dan kesihatan di pintu masuk, sekiranya diminta.

Selain syarat-syarat di atas, pengembara perlu mematuhi keperluan-keperluan berikut:

- i. Pengembara dikehendaki memuat turun dan mengisi deklarasi kesihatan dalam aplikasi MySejahtera semasa masih berada di luar negara;
- ii. Pengembara dikehendaki mengimbas QR Code “Pengembara dari Luar Negara” dengan menggunakan aplikasi MySejahtera semasa masih berada di luar negara;
- iii. Pengembara perlu menjalani saringan status kesihatan termasuk mengimbas suhu badan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA);
- iv. Pengembara dikehendaki menjalani ujian pengesanan COVID-19 menggunakan RTK Ag di bawah pemerhatian petugas yang berada di PMA sama ada agensi kerajaan atau swasta;
- v. Jika keputusan ujian pengesanan COVID-19 RTK Ag adalah negatif, tindakan selanjutnya adalah seperti berikut:-
  - a. bagi pengembara yang telah menerima lengkap vaksin COVID-19, tiada kuarantin dikenakan;
  - b. bagi pengembara yang tiada atau tidak lengkap vaksin COVID-19, individu terbabit perlu menjalani kuarantin selama 7 hari di pusat kuarantin atau tempat yang ditetapkan.
- vi. Jika keputusan ujian pengesanan COVID-19 RTK Ag adalah positif, pengembara akan diuruskan mengikut garis panduan pengurusan kes COVID-19 sedia ada.

Carta alir bagi 'Protokol Kemasukan Ke Malaysia Pengembara Pasca Jangkitan COVID-19' adalah seperti di Lampiran 1.

Bagi pengembara kategori di atas yang diberi pelepasan kuarantin dan masuk bersama kanak-kanak berumur kurang dari 12 tahun, kanak-kanak tersebut akan diberikan pengecualian dari menjalani kuarantin sekiranya ujian pengesanan COVID-19 RTK-Ag semasa ketibaan adalah negatif.

KKM akan terus memantau situasi penularan varian Omicron dalam dan luar negara. Justeru, polisi ini akan disemak dari semasa ke semasa berdasarkan kepada penilaian risiko penularan varian ini di dalam dan di luar negara.

#### **4. TARIKH KUATKUASA**

Arahan ini adalah berkuatkuasa mengikut tarikh yang diumumkan dalam Kenyataan Media YB Menteri Kesihatan bagi:

- i. Prosedur Kemasukan Ke Malaysia Bagi Pengembara Yang Pernah Dijangkiti COVID-19 yang dikeluarkan pada 12 Januari 2022 di mana tarikh kuatkuasa arahan adalah pada 13 Januari 2022;
- ii. Tempoh Baharu Bagi Pengasingan Kes Positif COVID-19 Dan Kuarantin Kontak Rapat Kepada Kes Positif COVID-19 yang dikeluarkan pada 15 Januari 2022 di mana tarikh kuatkuasa arahan adalah pada 16 Januari 2022.

#### **5. PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini boleh dikemukakan kepada pegawai yang bertanggungjawab:

Pengarah

Bahagian Kawalan Penyakit

Aras 3, Blok E10, Kompleks E, Presint 1

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62590 WP Putrajaya

No. Telefon: 03-8883 4143 No. Faks: 03-8881 0400

E-mel: [cprckm@moh.gov.my](mailto:cprckm@moh.gov.my) (u.p.: Dr. Maria Suleiman)

## 6. PENUTUP


YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memaklumkan mengenai arahan terbaru ini kepada para pegawai yang berkaitan di bawah tanggungjawab masing-masing. Komitmen semua pihak dalam mencegah dan mengawal penularan jangkitan COVID-19 adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*Saya yang menjalankan amanah,*



**(TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH)**

s.k.

Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah  
Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Pengarah  
Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kesihatan Awam, KKM

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Kewangan

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa

Setiausaha Sulit Kanan Kepada Menteri Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan Kepada Timbalan Menteri Kesihatan 1  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan Kepada Timbalan Menteri Kesihatan 2  
Kementerian Kesihatan Malaysia



## **SENARAI EDARAN**

### **A. EDARAN DALAMAN**

Pengarah  
Hospital Kuala Lumpur

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri N. Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah Kesihatan  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

Pengarah Kesihatan  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

## **B. EDARAN LUARAN**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Dalam Negeri

Ketua Setiausaha  
Kementerian Luar Negeri

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengangkutan Malaysia

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

Ketua Pengarah  
Majlis Keselamatan Negara

Ketua Pengarah  
Jabatan Imigresen Malaysia

Ketua Pengarah  
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

Ketua Pesuruhjaya  
Angkatan Pertahanan Awam Malaysia

Pengerusi

*Airlines Operator Committee (AOC) KLIA & KLIA2*  
*Lot N2-N3, Mezzanine Floor, Main Terminal Building*  
Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)

Pengerusi

*Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB)*  
*Malaysia Airports Corporate Office*  
Persiaran Korporat KLIA  
Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)

Setiausaha Kehormat

Persatuan Perubatan Malaysia  
(*Malaysian Medical Association; MMA*)

Presiden

*Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia (MPCAM)*

Presiden

Persatuan Doktor-Doktor Islam Malaysia (PERDIM)

Presiden

*Federation of Private Medical Practitioners' Association of Malaysia*  
(FPMPAM)

Presiden

*Association of Private Hospitals of Malaysia (APHM)*

## Protokol Kemasukan Ke Malaysia Pengembara Pasca Jangkitan COVID-19

